**JABATANPERKHIDMATAN VETERINAR**
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
JALAN SRI KEMUNTING 2
25150 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR

Telefon : 09-5171090/1288/1205/1075
Faks : 09-5141498
Laman Web : http://vetphg.pahang.gov.my

***#MajuTerusPahang*** ***#Pahang1st***

*Ruj. Kami :* Bil ( 94) dlm V.PHG E-148 JLD 3

*Tarikh* : 21 September 2023

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**PEMAKLUMAN ARAHAN PENGGUNAAN SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN VERSI 3.0**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sehubungan itu, tuan/puan diminta untuk menggunapakai Syarat Pemindahan Haiwan Dan Produk Haiwan Antara Negeri Dan Dalam Negeri Semenanjung Malaysia Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan Versi 3.0 yang telah diselaras dan ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

3. Bersama-sama ini disertakan surat arahan dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, No. Rujukan JPV/BKPBV(K)600-1/3/6(33) bertarikh 1 September 2023. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak Tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. KAMALIAH BINTI GHAZALI)**
Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Negeri Pahang Darul Makmur

s.k.
1. Ketua Penguatkuasa Negeri Pahang
2. Makmal Veterinar Zon Timur (Pahang)
3. Fail Timbul Kesihatan

**SENARAI EDARAN**

1. Ketua Bahagian Industri Ternakan,
   Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.
2. Ketua Bahagian Regulatori,
   Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.
3. Pengarah VetEC Tenggara, VetEC Tenggara Muadzam.
4. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuantan
5. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Pekan
6. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Rompin
7. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Maran
8. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Temerloh
9. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Bera
10. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Jerantut
11. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Lipis
12. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Raub
13. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Bentong
14. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Cameron Highlands

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR**
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**
***Department Of Veterinary Services***
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8870 2000
Faks (Fax): 603-8888 6472
Laman Web (Web): www.dvs.gov.my
E-mel: pro@dvs.gov.my

*Ruj. Kami* : JPV/BKPBV(K)600-1/3/6(33)
*Tarikh* : *1 September 2023*

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**PENGGUNAAN SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN VERSI 3.0**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat JK Dasar Jabatan Bil.4/2023 yang telah diadakan pada 22 Ogos 2023 telah meluluskan pindaan syarat pemindahan haiwan dan produk haiwan antara negeri dan dalam negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan versi 3.0. Oleh yang demikian, penggunaan syarat ini adalah terpakai untuk semua negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan bermula pada **1 Disember 2023** kecuali bagi syarat pemindahan masuk ke Zon Bebas dan Zon Penampan Penyakit FMD adalah terpakai bermula pada **1 Mac 2024**. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri diminta untuk mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh berkaitan di Negeri masing-masing untuk memaklumkan mengenai pindaan dan penggunaan syarat ini.

3. Bersama ini, dilampirkan syarat pemindahan haiwan dan produk haiwan untuk perhatian dan tindakan pihak tuan/puan. Syarat Versi 3.0 ini juga akan dimuatnaik pada Sistem eVetPermit dan laman web rasmi DVS untuk memudahkan akses oleh orang awam.

4. Kerjasama dari pihak tuan/puan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"VETERINAR KOMPETEN MASYARAKAT SEJAHTERA"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. AKMA BINTI NGAH HAMID) No. MVC: 298**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

**s.k.**
1. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar)
2. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan)
3. Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar
3. Pengarah Kanan, BKAV
4. Pengarah BKP
5. Pengarah BPV
6. Pengarah BRV
7. Ketua Unit Undang-Undang
8. Semua Ketua Seksyen BKPBV
9. Semua Pengarah Makmal Veterinar Zon
10. Pengarah VRI
11. Fail

**SENARAI EDARAN**

1. Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
2. Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar
3. Pengarah, Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Ternakan
4. Pengarah, Bahagian Penguatkuasa Veterinar
5. Pengarah, Bahagian Pembangunan Modal Insan
6. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis
7. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah
8. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri P. Pinang
9. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak
10. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
11. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri N.Sembilan
12. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka
13. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
14. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
15. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu
16. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
17. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar W.P Kuala Lumpur
18. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar W.P Labuan

# SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

Nota : **Syarat pemindahan ini hanya terpakai bagi negeri yang mempunyai pewartaan kawalan penyakit haiwan berkaitan.**

## BAGI TUJUAN PENYEMBELIHAN (RUMINAN)

### SYARAT UMUM

1. Pemindahan ternakan bagi tujuan penyembelihan hanya dibenarkan ke **rumah sembelih atau kurungan (holding yard)** sahaja kecuali penyembelihan bagi adat/perayaan (7 hari termasuk 3 hari sebelum adat/perayaan). Pemindahan ke holding yard hanya dibenarkan untuk negeri yang tidak mempunyai rumah sembelih dan/atau dengan kebenaran Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri.
2. Semua ternakan hendaklah mempunyai tanda pengenalan **(visual ear tag)** untuk tujuan pemindahan.
3. Tanda pengenalan haiwan yang akan dipindahkan mestilah sama seperti di dalam laporan makmal dan SKV.
4. Semua ternakan diperiksa klinikal dan tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit pada hari pemeriksaan dijalankan.
5. Sahlaku ujian (*Test validity*):
   a. Laporan ujian hanya sah bagi tempoh **30 hari** sahaja dari tarikh keputusan ujian makmal dikeluarkan bagi semua penyakit atau tiada haiwan baharu (kecuali dari gerompok yang mempunyai sijil bebas penyakit) masuk ke premis sepanjang tempoh sahlaku ujian; atau
   b. Sekiranya ternakan transit dimana-mana ladang, maka ujian semula perlu dijalankan.
6. Premis/gerompok dengan indeks aktif sebarang penyakit yang diuji tidak dibenarkan untuk sebarang pemindahan sehingga indeks bertukar menjadi indeks terkawal (KUNING) atau mengikut PVM/SOP penyakit berkaitan.
7. **Borang deklarasi status kesihatan haiwan** perlu dilampirkan bersama semasa permohonan permit dibuat.
8. **Tempat sembelih** hendaklah dinyatakan dengan lengkap (Destinasi) dalam borang permohonan permit (sistem e-VetPermit).
9. **Satu permit hanya sah untuk satu destinasi sahaja**. Satu set seal tag perlu dipasang oleh pemohon/pemandu/ penternak/ peraih/ penjual dan dibuka selepas sampai ke destinasi.
10. Bagi ternakan dari gerompok yang mempunyai **sijil bebas penyakit** Brucellosis atau/dan FMD atau/dan TB, ujian saringan tidak perlu dijalankan dengan syarat gerompok tersebut dibawah pengawasan DVS dan disertakan Salinan Sijil Bebas Penyakit yang sah semasa permohonan pemindahan dibuat.
11. Penternak/Penerima konsainan hendaklah memaklumkan ketibaan ternakan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah penerima dalam tempoh **24 jam** melalui apa jua cara yang bersesuaian, contohnya menggunakan aplikasi telekomunikasi.
12. Bagi lembu betina, penyembelihan hanya dibenarkan dengan kebenaran Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri.



Berkuatkuasa : 1 Disember 2023

**SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN**

**SYARAT KHUSUS**

**TERNAKAN: LEMBU/KERBAU (PEDAGING DAN TENUSU)**

| ORIGIN TERNAKAN/ PRODUK | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan tempatan | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD. | Semua Negeri |
| | | 2. Bagi ternakan yang **dipindah keluar dari Negeri Kelantan** dan tidak pernah divaksin, ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak **28-35 hari** sebelum pemindahan. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>3. Bagi ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 -6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | Bagi Negeri Kelantan sahaja **kecuali** pemindahan ternakan dalam Negeri Kelantan ke Rumah sembelih Berdaftar/Berlesen di Negeri Kelantan |
| | | 4. Bagi pemindahan **masuk** ke **Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan**:<br>a) Ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari sebelum pemindahan. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.;<br>b) Ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 -6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi.<br>c) Ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA (bagi pemindahan ke Zon Bebas sahaja). | **(Berkuatkuasa pada 1 Mac 2024)**<br>**Zon Bebas FMD:**<br>-Langkawi<br>-Kulai<br>-Johor Bahru<br>-Pontian<br>**Zon Penampan:**<br>-Kluang (mukim Layang-layang, Machap, Ulu Benut dan Renggam)<br>-Batu Pahat (mukim Sg. Kluang)<br>-Kota Tinggi (mukim Ulu Sungai Johor) |
| | LSD | 1. Tiada tanda klinikal LSD. | Semua Negeri |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan import dari negara **TIDAK BEBAS** penyakit (e.g. Thailand) | 1. FMD<br>2. LSD | 1. Pengesahan dari MAQIS **(sijil MK10)** bahawa ternakan telah tamat tempoh kuarantin dan tiada tanda klinikal sepanjang tempoh kuarantin.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Bagi pemindahan **masuk** ke **Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan,** ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA. | Semua Negeri yang mempunyai stesen kuarantin atau premis kuarantin |
| Pemindahan ternakan import dari negara **BEBAS** penyakit (e.g Australia) | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Bagi ternakan yang akan **disimpan** atau **transit** di *holding yard* melebihi 30 hari, suntikan vaksin FMD mesti dibuat sebanyak 2 kali (P1 dan P2) di holding yard dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke *holding yard*. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.;<br><br>atau<br><br>Sekiranya ternakan **transit** di *holding yard k*urang 30 hari, ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD P1 di *holding yard* dan suntikan P2 di *holding yard* seterusnya dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke *holding yard.* Tarikh suntikan P1 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2. | Semua negeri |

**TERNAKAN: KAMBING/BEBIRI (PEDAGING DAN TENUSU)**

| ORIGIN TERNAKAN/ PRODUK | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan tempatan | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD. | Semua negeri |
| | | 2. Bagi ternakan yang **dipindah keluar dari Negeri Kelantan** dan tidak pernah divaksin, ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak **28-35 hari** sebelum pemindahan. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>3. Bagi ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 -6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | Bagi Negeri Kelantan sahaja, **kecuali** pemindahan ternakan dalam Negeri Kelantan ke Rumah sembelih Berdaftar/Berlesen di Negeri Kelantan |
| | | 4. Bagi pemindahan **masuk** ke Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan:<br>a) Ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari sebelum pemindahan. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>b) Ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 -6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi.<br>c) Ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA (bagi pemindahan ke Zon Bebas sahaja) | **(Berkuatkuasa pada 1 Mac 2024)**<br>**Zon Bebas FMD:**<br>-Langkawi<br>-Kulai<br>-Johor Bahru<br>-Pontian<br>**Zon Penampan:**<br>-Kluang (mukim Layang-layang, Machap, Ulu Benut dan Renggam)<br>-Batu Pahat (mukim Sg. Kluang)<br>-Kota Tinggi (mukim Ulu Sungai Johor) |
| | Brucellosis<br>*(B. melitensis)* | 1. **Negatif** ujian saringan RBPT terhadap semua haiwan yang akan dipindahkan dan keputusan ujian disertakan dalam permohonan permit. Bagi ternakan dari ladang yang mempunyai sijil bebas penyakit Brucellosis, sertakan sijil pengesahan bebas penyakit semasa permohonan permit. | Semua negeri<br>*Sekiranya melibatkan isu ujian penyakit Brucellosis, sila rujuk PVM Brucellosis. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan import dari negara **TIDAK BEBAS** penyakit | 1. FMD<br>2. PPR | 1. Pengesahan dari MAQIS (sijil MK10) bahawa ternakan telah tamat tempoh kuarantin dan tiada tanda klinikal sepanjang tempoh kuarantin.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. **Bagi pemindahan masuk ke Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan,** ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA. | Semua Negeri yang mempunyai stesen kuarantin atau premis kuarantin |
| Pemindahan ternakan import dari negara **BEBAS** penyakit | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Bagi ternakan yang akan disimpan atau transit di *holding yard* melebihi 30 hari, suntikan vaksin FMD mesti dibuat sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke holding yard. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.; atau<br><br>Sekiranya ternakan transit di *holding yard* kurang 30 hari, ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD P1 di *holding yard* dan suntikan P2 di *holding yard* seterusnya dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke *holding yard.* Tarikh suntikan P1 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2. | Semua negeri |

## SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

### BAGI TUJUAN PEMELIHARAAN/PEMBIAKBAKAAN/FIDLOT*/ DENAK DAN PERAYAAN/ADAT (YANG TIDAK MELIBATKAN SEMBELIHAN) (RUMINAN)

SYARAT UMUM

1. Semua ternakan hendaklah mempunyai tanda pengenalan **(visual ear tag)** untuk tujuan pemindahan. Bagi lembu Sado, hibrid atau ternakan bernilai tinggi, boleh menggunakan visual tag yang dipasang pada kolar.
2. Tanda pengenalan haiwan yang akan dipindahkan mestilah sama seperti di dalam laporan makmal dan SKV.
3. Semua ternakan diperiksa klinikal dan tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit pada hari pemeriksaan dijalankan.
4. Sahlaku ujian (*Test validity*):
   a. Laporan ujian hanya sah bagi tempoh **30 hari** sahaja dari tarikh keputusan ujian makmal dikeluarkan bagi semua penyakit dengan syarat tiada haiwan baharu (kecuali dari gerompok yang mempunyai sijil bebas penyakit) masuk ke premis sepanjang tempoh sahlaku ujian, atau
   b. Sekiranya ternakan transit dimana-mana ladang, maka ujian semula perlu dijalankan.
5. Premis/gerompok dengan indeks aktif sebarang penyakit yang diuji tidak dibenarkan untuk sebarang pemindahan sehingga indeks bertukar menjadi indeks PULIH atau mengikut PVM/SOP penyakit berkaitan.
6. **Borang deklarasi status kesihatan haiwan** perlu dilampirkan bersama semasa permohonan dibuat.
7. Tempat pemeliharaan hendaklah dinyatakan dengan lengkap (Destinasi) dalam borang permohonan permit (sistem e-VetPermit).
8. **Satu permit hanya sah untuk satu destinasi sahaja.** Satu set seal tag perlu dipasang oleh pemohon/pemandu/ penternak /peraih/ penjual dan dibuka selepas sampai ke destinasi.
9. Bagi ternakan dari gerompok yang mempunyai **sijil bebas penyakit** Brucellosis atau/dan FMD atau/dan TB, ujian saringan tidak perlu dijalankan dengan syarat gerompok tersebut dibawah pengawasan DVS dan disertakan Salinan Sijil Bebas Penyakit yang sah semasa permohonan pemindahan dibuat.
10. Penternak/Penerima konsainan hendaklah melaporkan ketibaan ternakan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah penerima dalam tempoh **24 jam** melalui apa jua cara yang bersesuaian, contohnya aplikasi telekomunikasi.

*fidlot- ialah aktiviti mentemak lembu pedaging secara sentiasa berkurung dengan memberi makanan yang bermutu serta air secukupnya untuk membesar dan menggemukkan lembu dalam masa yang singkat termasuklah penggemukkan sebelum sembelihan jualan atau adat/perayaan.

**SYARAT KHUSUS**

**TERNAKAN: LEMBU/KERBAU (PEDAGING)**

| ORIGIN TERNAKAN/ PRODUK | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan tempatan | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD<br>2. Ternakan yang tidak pernah divaksin, perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak **28-35 hari**. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>3. Bagi ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4-6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | Semua Negeri |
| | | 4. Bagi pemindahan **masuk** ke Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan:<br>a) Ternakan perlu **negatif ujian NSP ELISA**.<br>b) Ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari sebelum pemindahan. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>c) Ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 -6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | **(Berkuatkuasa pada 1 Mac 2024)**<br><br>**Zon Bebas FMD:**<br>-Langkawi<br>-Kulai<br>-Johor Bahru<br>-Pontian<br>**Zon Penampan:**<br>-Kluang (mukim Layang-layang, Machap, Ulu Benut dan Renggam)<br>-Batu Pahat (mukim Sg. Kluang)<br>-Kota Tinggi (mukim Ulu Sungai Johor) |
| | Haemorrhagic Septicaemia (HS) | 1. Bagi ternakan yang belum pernah divaksin, suntikan vaksin HS perlu diberi sekurang-kurangnya 14 hari sebelum pemindahan.<br>2. Bagi ternakan yang telah diberi suntikan vaksin HS, tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi.<br>3. Tarikh suntikan mesti dinyatakan semasa permohonan permit. | Negeri yang pernah mempunyai IP dalam tempoh 6 bulan sebelum dan dalam lingkungan 10km dari IP |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Brucellosis<br>(*B. abortus*) | 1. **Negatif** ujian saringan RBPT terhadap semua haiwan yang akan dipindahkan dan keputusan ujian disertakan dalam permohonan permit. Bagi ternakan dari ladang yang mempunyai sijil bebas penyakit Brucellosis, sertakan sijil pengesahan bebas penyakit semasa permohonan permit.<br>2. Bagi ruminan besar, semua ternakan betina perlu diberi suntikan vaksin RB51 kecuali ladang yang mengamalkan tahap biosekuriti dan kawalan pemindahan yang baik. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas vaksinasi. | Semua negeri<br><br>*Sekiranya melibatkan isu ujian penyakit Brucellosis, sila rujuk PVM Brucellosis. |
| | LSD | 1. Tiada tanda klinikal LSD<br>2. Ternakan yang tidak pernah divaksin, perlu diberi suntikan vaksin LSD sekurang-kurangnya **28 hari sebelum perjalanan**.<br>3. Bagi ternakan yang telah disuntik vaksin ulangan, tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 1 tahun dari tarikh vaksinasi.<br>4. Tarikh suntikan mesti dinyatakan semasa permohonan permit. | Semua negeri |
| Pemindahan ternakan import dari negara **TIDAK BEBAS** penyakit (e.g Thailand) | 1. FMD<br>2. Brucellosis<br>3. HS<br>4. LSD | 1. Pengesahan dari MAQIS **(sijil MK10)** bahawa ternakan telah tamat tempoh kuarantin dan tiada tanda klinikal sepanjang tempoh kuarantin.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport dan jadual vaksinasi (jika berkaitan).<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Bagi pemindahan **masuk** ke **Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan,** ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA. | Semua Negeri yang mempunyai stesen kuarantin atau premis kuarantin yang diluluskan oleh MAQIS.<br><br>*Sekiranya ternakan import dikuarantin di premis yang diluluskan oleh MAQIS dan **melepasi tempoh kuarantin/ disimpan (cooling off period)**, kebenaran pemindahan perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan **tempatan**. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan import dari negara **BEBAS** penyakit, (e.g. Australia, New Zealand, Brazil) | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Ternakan yang **terus pergi ke ladang penerima** perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari **di ladang penerima**; atau<br><br>Bagi ternakan yang akan **disimpan** atau **transit** di mana-mana ladang melebihi 30 hari, suntikan vaksin FMD mesti dibuat sebanyak 2 kali (P1 dan P2) **di ladang transit** dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke *ladang transit*. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.; atau<br><br>Sekiranya ternakan **transit** di mana-mana **ladang kurang 30 hari**, ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD P1 di **di ladang transit** dan suntikan P2 di ladang seterusnya dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke ladang transit. Tarikh suntikan P1 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2. | Semua Negeri |
| | HS | Sekiranya ternakan **transit** di mana-mana ladang **lebih 30 hari**, perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan tempatan. | Bagi negeri yang pernah mempunyai **IP** HS dalam tempoh 6 bulan sebelum dan dalam lingkungan 10km dari IP |
| | Brucellosis<br>LSD | Sekiranya ternakan **transit** di mana-mana ladang **lebih 30 hari**, perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan tempatan. | Semua negeri |

## SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

**TERNAKAN: LEMBU/KERBAU (TENUSU)**

| ORIGIN TERNAKAN/ PRODUK | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan tempatan | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD<br>2. Ternakan yang tidak pernah divaksin, perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>3. Bagi ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4-6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | Semua negeri |
| | | 4. Bagi pemindahan **masuk** ke Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan:<br>a) Ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA.<br>b) Ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari sebelum pemindahan. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>c) Ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 -6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | **(Berkuatkuasa pada 1 Mac 2024)**<br>**Zon Bebas FMD:**<br>-Langkawi<br>-Kulai<br>-Johor Bahru<br>-Pontian<br>**Zon Penampan:**<br>-Kluang (mukim Layang-layang, Machap, Ulu Benut dan Renggam)<br>-Batu Pahat (mukim Sg. Kluang)<br>-Kota Tinggi (mukim Ulu Sungai Johor) |
| | Haemorrhagic Septicaemia (HS) | 1. Bagi ternakan yang belum pernah divaksin, suntikan vaksin HS perlu diberi sekurang-kurangnya 14 hari sebelum pemindahan.<br>2. Bagi ternakan yang telah diberi suntikan vaksin HS, tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi.<br>3. Tarikh suntikan mesti dinyatakan semasa permohonan permit. | Bagi negeri yang pernah mempunyai IP HS dalam tempoh 6 bulan sebelum dan dalam lingkungan 10km dari IP |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Brucellosis<br>(*B. abortus*) | 1. **Negatif** ujian saringan RBPT terhadap semua haiwan yang akan dipindahkan dan keputusan ujian disertakan dalam permohonan permit. Bagi ternakan dari ladang yang mempunyai sijil bebas penyakit Brucellosis, sertakan sijil pengesahan bebas penyakit semasa permohonan permit.<br>2. Bagi ruminan besar, semua ternakan betina perlu diberi suntikan vaksin RB51 kecuali ladang yang mengamalkan tahap biosekuriti dan kawalan pemindahan yang baik. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas vaksinasi. | Semua negeri<br>*Sekiranya melibatkan isu ujian penyakit Brucellosis, sila rujuk PVM Brucellosis. |
| | Tuberkulosis (TB) | 1. **Negatif** ujian Tuberkulosis melalui ujian *Caudal Fold Test* (CFT) atau *Comparative Cervical Test (CCT)* atau kit ujian yang diluluskan oleh Jabatan seperti Bovigam terhadap semua haiwan yang akan dipindahkan kecuali ternakan dari ladang yang mempunyai sijil bebas penyakit TB yang sah. | Semua negeri |
| | LSD | 1. Tiada tanda klinikal LSD<br>2. Ternakan yang tidak pernah divaksin, perlu diberi suntikan vaksin LSD sekurang-kurangnya **28 hari sebelum perjalanan**.<br>3. Bagi ternakan yang telah disuntik vaksin ulangan, tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 1 tahun dari tarikh vaksinasi.<br>4. Tarikh suntikan mesti dinyatakan semasa permohonan permit. | Semua Negeri |
| Pemindahan ternakan import dari negara **TIDAK BEBAS** penyakit (e.g Thailand) | 1. FMD<br>2. HS<br>3. Brucellosis<br>4. TB<br>5. LSD | 1. Pengesahan dari MAQIS **(sijil MK10)** bahawa ternakan telah tamat tempoh kuarantin dan tiada tanda klinikal sepanjang tempoh kuarantin.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan Sijil Kesihatan Veterinar dari Negara Pengeksport dan jadual vaksinasi (jika berkaitan).<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Bagi pemindahan **masuk** ke **Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan,** ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA. | Semua Negeri yang mempunyai stesen kuarantin atau premis kuarantin yang diluluskan oleh MAQIS.<br>*Sekiranya ternakan import dikuarantin di premis yang diluluskan oleh MAQIS dan **melepasi tempoh kuarantin/ disimpan (cooling off period)**, kebenaran pemindahan perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan **tempatan**. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan import dari negara **BEBAS** penyakit, (e.g. Australia, New Zealand, Brazil) | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Ternakan yang **terus pergi ke ladang penerima** perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari di ladang penerima; atau<br>Bagi ternakan yang akan disimpan atau transit di mana-mana ladang melebihi 30 hari, suntikan vaksin FMD mesti dibuat sebanyak 2 kali (P1 dan P2) di ladang transit dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke ladang transit. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit; atau<br><br>Sekiranya ternakan transit di mana-mana ladang kurang 30 hari, ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD P1 di di ladang transit dan suntikan P2 di ladang seterusnya dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke ladang transit. Tarikh suntikan P1 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. | Semua Negeri |
| | HS | Sekiranya ternakan **transit** di mana-mana ladang **lebih 30 hari**, perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan tempatan. | Bagi negeri yang pernah mempunyai IP HS dalam tempoh 6 bulan sebelum dan dalam lingkungan 10km dari IP |
| | Brucellosis<br>LSD | Sekiranya ternakan **transit** di mana-mana ladang **lebih 30 hari**, perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan tempatan. | Semua Negeri |

## SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

TERNAKAN: KAMBING/BEBIRI (PEDAGING DAN TENUSU)

| ORIGIN TERNAKAN/ PRODUK | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan tempatan | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD<br>2. Ternakan yang tidak pernah divaksin perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak **28-35 hari**. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>3. Bagi ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4-6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | Semua negeri |
| | | 4. Bagi pemindahan **masuk** ke Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan:<br>a) Ternakan perlu **negatif NSP ELISA.**<br>b) Ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari sebelum pemindahan. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2.<br>c) Ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 -6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | **(Berkuatkuasa pada 1 Mac 2024)**<br>**Zon Bebas FMD:**<br>-Langkawi<br>-Kulai<br>-Johor Bahru<br>-Pontian<br>**Zon Penampan:**<br>-Kluang (mukim Layang-layang, Machap, Ulu Benut dan Renggam)<br>-Batu Pahat (mukim Sg. Kluang)<br>-Kota Tinggi (mukim Ulu Sungai Johor) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Brucellosis<br><br>*(B. melitensis)* | 1. **Negatif** ujian saringan RBPT terhadap semua haiwan yang akan dipindahkan dan keputusan ujian disertakan dalam permohonan permit. Bagi ternakan dari ladang yang mempunyai sijil bebas penyakit Brucellosis, sertakan sijil pengesahan bebas semasa permohonan permit. | Semua negeri<br><br>*Sekiranya melibatkan isu ujian penyakit Brucellosis, sila rujuk PVM Brucellosis. |
| | Caseous Lymphadenitis (CLA) | Tiada tanda klinikal CLA. | Semua negeri |
| Pemindahan ternakan import dari negara **TIDAK BEBAS** penyakit (e.g Thailand) | 1. FMD<br>2. Brucellosis<br>3. Caseous Lymphadenitis (CLA)<br>4. PPR | 1. Pengesahan dari MAQIS **(sijil MK10)** bahawa ternakan telah tamat tempoh kuarantin dan tiada tanda klinikal sepanjang tempoh kuarantin.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan Sijil Kesihatan Veterinar dari Negara Pengeksport dan jadual vaksinasi (jika berkaitan).<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Bagi pemindahan **masuk** ke **Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan,** ternakan perlu negatif ujian NSP ELISA. | Semua Negeri yang mempunyai stesen kuarantin atau premis kuarantin yang diluluskan oleh MAQIS.<br><br>*Sekiranya ternakan import dikuarantin di premis yang diluluskan oleh MAQIS dan **melepasi tempoh kuarantin/ disimpan (cooling off period)**, kebenaran pemindahan perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan **tempatan**. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pemindahan ternakan import dari negara **BEBAS** penyakit (e.g Australia, New Zealand, Brazil) | FMD | 1. Tiada tanda klinikal FMD.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Ternakan yang **terus pergi ke ladang penerima** perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari di ladang penerima; **atau**<br><br>Bagi ternakan yang akan disimpan atau transit di mana-mana ladang melebihi 30 hari, suntikan vaksin FMD mesti dibuat sebanyak 2 kali (P1 dan P2) di ladang transit dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke ladang transit. Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2. ; atau<br><br>Sekiranya ternakan transit di mana-mana ladang kurang 30 hari, ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD P1 di di ladang transit dan suntikan P2 di ladang seterusnya dengan jarak 28-35 hari. Vaksinasi P1 dibuat dalam tempoh 3 - 7 hari setelah sampai ke ladang transit. Tarikh suntikan P1 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan hanya boleh dipindahkan 14 hari selepas P2. | Semua Negeri |
| | Brucellosis<br><br>*(B. melitensis)* | Sekiranya ternakan **transit** di mana-mana ladang **lebih 30 hari**, perlu mematuhi syarat pemindahan ternakan tempatan. | Semua Negeri |

## SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

### BAGI TERNAKAN BABI

<u>SYARAT UMUM</u>

1. Semua ternakan babi diwajibkan mempunyai tanda pengenalan (ear notching mengikut standard DVS/tag telinga) untuk tujuan pemindahan.
2. Tanda pengenalan ternakan yang akan dipindahkan mestilah sama seperti di dalam laporan makmal dan SKV.
3. Semua ternakan diperiksa klinikal dan tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit pada hari pemeriksaan dijalankan.
4. Sahlaku ujian (*Test validity*):
    a. Laporan ujian hanya sah bagi tempoh **30 hari** sahaja dari tarikh keputusan ujian makmal dikeluarkan bagi semua penyakit dengan syarat tiada haiwan baharu (kecuali dari gerompok yang mempunyai sijil bebas penyakit) masuk ke premis sepanjang tempoh sahlaku ujian, atau

    b. Sekiranya ternakan transit dimana-mana ladang, maka ujian semula perlu dijalankan.
5. Premis/gerompok dengan indeks aktif sebarang penyakit yang diuji tidak dibenarkan untuk sebarang pemindahan sehingga indeks bertukar menjadi indeks PULIH atau mengikut PVM penyakit berkaitan.
6. **Borang deklarasi status kesihatan haiwan** perlu dilampirkan bersama semasa permohonan dibuat.
7. Tempat pemeliharaan/pembiakbakaan atau sembelih hendaklah dinyatakan dengan lengkap (Destinasi) dalam borang permohonan permit (sistem e-VetPermit).
8. **Satu permit hanya sah untuk satu destinasi sahaja.** Satu set seal tag perlu dipasang oleh pemohon/pemandu/ penternak /peraih/ penjual dan dibuka selepas sampai ke destinasi.
9. Bagi ternakan dari gerompok yang mempunyai **sijil bebas penyakit** Brucellosis atau/dan FMD, ujian saringan tidak perlu dijalankan dengan syarat gerompok tersebut dibawah pengawasan DVS dan disertakan Salinan Sijil Bebas Penyakit yang sah semasa permohonan pemindahan dibuat.
10. Penternak/Penerima konsainan hendaklah memaklumkan ketibaan ternakan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah penerima dalam tempoh **24 jam** melalui apa jua cara yang bersesuaian, contohnya aplikasi telekomunikasi.

**SYARAT KHUSUS**

**TERNAKAN: BABI**

| ORIGIN TERNAKAN | TUJUAN PEMINDAHAN | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Dalam negara | Pemeliharaan/ Pembiakbakaan/<br>Penyembelihan | FMD | 1. Disahkan tiada tanda-tanda klinikal penyakit berjangkit dan dinyatakan di dalam SKV. | Semua negeri pengeluar babi |
| | | | 2. Bagi pemindahan **masuk** untuk tujuan **PEMELIHARAAN/PEMBIAKBAKAAN** ke Zon Bebas Penyakit FMD dan Zon Penampan:<br><br>a) Ternakan perlu negatif NSP ELISA.<br>b) Ternakan perlu diberi suntikan vaksin FMD sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari sebelum pemindahan Tarikh suntikan P1 dan P2 mesti dinyatakan semasa permohonan permit. Ternakan babi hanya dibenarkan pindah 14 hari selepas P2.<br>c) Ternakan yang disuntik vaksin ulangan setiap 4 - 6 bulan, rekod tarikh suntikan mesti dilampirkan sebagai pengesahan. Tarikh pemindahan mestilah tidak lebih 6 bulan dari tarikh vaksinasi. | **(Berkuatkuasa pada 1 Mac 2024)**<br><br>**Zon Bebas FMD:**<br>-Langkawi<br>-Kulai<br>-Johor Bahru<br>-Pontian<br><br>**Zon Penampan:**<br>-Kluang (mukim Layang-layang, Machap, Ulu Benut dan Renggam)<br>-Batu Pahat (mukim Sg. Kluang)<br>-Kota Tinggi (mukim Ulu Sungai Johor) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | *Brucella suis* | 1. Disahkan tiada tanda-tanda klinikal penyakit berjangkit dan dinyatakan di dalam SKV.<br>2. Tiada kejadian penyakit tidak kurang 6 bulan sebelum pemindahan. | Semua negeri pengeluar babi |
| | | African Swine Fever (ASF) | 1. Disahkan tiada tanda-tanda klinikal penyakit berjangkit dan dinyatakan di dalam SKV.<br>2. Bagi tujuan pemeliharaan/pembiakbakaan, setiap ternakan perlu negatif ujian qPCR/conventional PCR.<br>3. Bagi tujuan penyembelihan, gerompok perlu negatif ujian qPCR/conventional PCR. | Semua negeri pengeluar babi |
| Import dari Negara **BEBAS** penyakit | Pembiakbakaan/ Pemeliharaan | 1. FMD<br>2. African Swine Fever<br>3. PRRS<br>4. B.suis | 1. Disahkan tiada tanda-tanda klinikal dan dinyatakan di dalam SKV<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan Sijil Kesihatan Veterinar dari Negara Pengeksport.<br>3. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>4. Setelah sampai di destinasi, ternakan diberi suntikan **vaksin FMD** sebanyak 2 kali (P1 dan P2) dengan jarak 28-35 hari. | Semua Negeri |

# SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

## BAGI TERNAKAN RUSA

### SYARAT UMUM

1. Semua ternakan rusa diwajibkan mempunyai tanda pengenalan (visual ear tag) untuk tujuan pemindahan.
2. Tanda pengenalan ternakan yang akan dipindahkan mestilah sama seperti di dalam laporan makmal dan SKV.
3. Semua ternakan diperiksa klinikal dan tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit pada hari pemeriksaan dijalankan.
4. Sahlaku ujian (*Test validity*):
    a. Laporan ujian hanya sah bagi tempoh **30 hari** sahaja dari tarikh keputusan ujian makmal dikeluarkan bagi semua penyakit dengan syarat tiada haiwan baharu (kecuali dari gerompok yang mempunyai sijil bebas penyakit) masuk ke premis sepanjang tempoh sahlaku ujian, atau
    b. Sekiranya ternakan transit dimana-mana ladang, maka ujian semula perlu dijalankan.
5. Premis/gerompok dengan indeks aktif sebarang penyakit yang diuji tidak dibenarkan untuk sebarang pemindahan sehingga indeks bertukar menjadi indeks PULIH atau mengikut PVM penyakit berkaitan.
6. **Borang deklarasi status kesihatan haiwan** perlu dilampirkan bersama semasa permohonan dibuat.
7. Tempat pemeliharaan/pembiakbakaan atau sembelih atau 'holding yard' hendaklah dinyatakan dengan lengkap (Destinasi) dalam borang permohonan permit (sistem e-VetPermit).
8. **Satu permit hanya sah untuk satu destinasi sahaja.** Satu set seal tag perlu dipasang oleh pemohon/pemandu/ penternak /peraih/ penjual dan dibuka selepas sampai ke destinasi.
9. Bagi ternakan dari gerompok yang mempunyai **sijil bebas penyakit** Brucellosis atau/dan FMD atau/dan TB, ujian saringan tidak perlu dijalankan dengan syarat gerompok tersebut dibawah pengawasan DVS dan disertakan Salinan Sijil Bebas Penyakit yang sah semasa permohonan pemindahan dibuat.
10. Penternak/Penerima konsainan hendaklah memaklumkan ketibaan ternakan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah penerima dalam tempoh **24 jam** melalui apa jua cara yang bersesuaian, contohnya aplikasi telekomunikasi.

SYARAT KHUSUS

TERNAKAN: RUSA

| ORIGIN TERNAKAN | TUJUAN PEMINDAHAN | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Dalam negara | Pemeliharaan/<br>Pembiakbakaan/<br>Penyembelihan | 1. Brucellosis (*B. abortus, B. melitensis*)<br>2. TB<br>3. FMD | 1. Tiada tanda klinikal dan sejarah kes klinikal atau kejadian penyakit dalam tempoh **6 bulan** di premis tersebut. | Semua negeri |

## SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

## BAGI TUJUAN PEMELIHARAAN, PEMBIAKBAKAAN, SUKAN*, REHABILITASI DAN RIADAH (KUDA)

### SYARAT UMUM

1. Semua kuda diwajibkan mempunyai tanda pengenalan **(mikrocip)** dan **pasport kuda antarabangsa/kad pengenalan kuda Malaysia** untuk tujuan pemindahan.
2. **Nombor mikrocip** digunakan untuk permohonan permit pemindahan dan mestilah sama seperti di dalam laporan makmal dan SKV.
3. Semua kuda perlu disahkan tanda pengenalan (mikrocip) dan diperiksa klinikal serta tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit pada hari **pemeriksaan dijalankan.**
4. Setiap kuda perlu mematuhi jadual suntikan vaksinasi termasuk Japanese Encephalitis dan Equine Influenza dan/atau EHV dan/atau Tetanus dan direkodkan dalam passport antarabangsa/kad pengenalan kuda Malaysia.
5. Sahlaku ujian (*Test validity*):
    a. Tujuan Pemeliharaan /Pembiakbakaan/ Riadah: Laporan ujian hanya sah bagi tempoh **30 hari** dari tarikh keputusan ujian dikeluarkan bagi semua penyakit atau tiada haiwan baharu masuk ke premis sepanjang tempoh sahlaku ujian; atau
    b. Tujuan Sukan* /Rehabilitasi: Laporan ujian sah bagi tempoh **2 tahun** dari tarikh keputusan ujian dikeluarkan
6. Semua keputusan ujian makmal yang dijalankan perlu direkodkan/dikepilkan di dalam passport antarabangsa/kad pengenalan kuda Malaysia.
7. Premis/gerompok dengan indeks aktif sebarang penyakit yang diuji tidak dibenarkan untuk sebarang pemindahan sehingga indeks bertukar menjadi indeks PULIH atau mengikut PVM penyakit berkaitan.
8. **Borang deklarasi status kesihatan haiwan** perlu dilampirkan bersama semasa permohonan dibuat.
9. Tempat pemeliharaan, pembiakbakaan, sukan, rehabilitasi dan riadah hendaklah dinyatakan dengan lengkap (Destinasi) dalam borang permohonan permit (sistem e-VetPermit).
10. Penerima konsainan hendaklah memaklumkan ketibaan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah penerima dalam tempoh **24 jam** melalui apa jua cara yang bersesuaian, contohnya aplikasi telekomunikasi.
11. Bagi tujuan pemeliharaan, pembiakbakaan dan riadah, **satu permit adalah untuk satu destinasi sahaja**.

***Sukan meliputi sukan lumba kuda, polo dan ekuestrian (termasuk endurance, dressage, show jumping, reining, rodeo, tent pegging, vaulting dan lain-lain). Rujuk GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMINDAHAN KUDA BAGI TUJUAN SUKAN BERKUDA (SPORTS) DI ANTARA NEGERI DAN DAERAH/ JAJAHAN untuk maklumat lanjut.***

**SYARAT KHUSUS**

TERNAKAN: KUDA

| ORIGIN HAIWAN | TUJUAN PEMINDAHAN | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Dalam Negara | Pemeliharaan/ pembiakbakaan/ sukan/ rehabilitasi/ riadah | 1. Surra<br>2. Piroplasmosis<br>3. African Horse Sickness (AHS)<br>4. Equine Influenza Virus (EIV)<br>5. Equine Infectious Anemia (EIA)<br>6. Strangles<br>7. Equine Herpes Virus (EHV) | 1. Tiada tanda-tanda klinikal penyakit | Semua negeri |
| | | 1. Surra<br>2. Piroplasmosis<br>3. African Horse Sickness (AHS)<br>4. Strangles<br>5. Equine Herpes Virus (EHV) | 1. **Negatif** ujian saringan penyakit. | 1. Semua negeri<br>2. Semua kuda kecuali kuda yang telah divaksin EHV.<br>3. Pemilik bertanggungjawab menguruskan pengambilan dan penghantaran sampel ke makmal untuk pengujian dan menanggung kos pengujian.<br><br>* Sila rujuk **Senarai Persampelan Penyakit Kuda Dan Makmal Yang Menjalankan Ujian** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pemindahan kuda Import | Pemeliharaan/ pembiakbakaan/ sukan/ riadah | 1. Surra<br>2. Piroplasmosis<br>3. African Horse Sickness (AHS)<br>4. Equine Influenza Virus (EIV)<br>5. Equine Infectious Anemia (EIA)<br>6. Strangles<br>7. Nipah<br>8. Equine Herpes Virus (EHV)<br>9. Western Equine Encephalomyelitis (WEE)<br>10. Glanders | 1. **Negatif** semua ujian saringan penyakit.<br>2. Pengesahan dari MAQIS **(sijil MK10)** bahawa ternakan telah tamat tempoh kuarantin dan tiada tanda klinikal sepanjang tempoh kuarantin.<br>3. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>4. Haiwan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS. | Semua Negeri yang mempunyai stesen kuarantin atau premis kuarantin yang diluluskan oleh MAQIS.<br><br>* Sila rujuk **Senarai Persampelan Penyakit Kuda Dan Makmal Yang Menjalankan Ujian** |

## SYARAT PEMINDAHAN HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN ANTARA NEGERI DAN DALAM NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK W. P. LABUAN

### BAGI TERNAKAN UNGGAS DAN PRODUK DAN HASILAN TERNAKAN

**SYARAT UMUM**

1. Semua ternakan/haiwan diwajibkan mempunyai tanda pengenalan untuk tujuan pemindahan.
   a. Bagi ternakan komersil, tanda pengenalan mengikut nombor kumpulan (batch/flok).
   b. Bagi *pet bird*, tanda pengenalan adalah menggunakan tag individu atau mana-mana yang bersesuaian.
2. Tanda pengenalan ternakan/haiwan yang akan dipindahkan mestilah sama seperti di dalam laporan makmal dan SKV.
3. Ternakan/haiwan diperiksa klinikal dan tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit pada hari pemeriksaan dijalankan.
4. Sahlaku ujian (*Test validity*):
   a. Laporan ujian hanya sah bagi tempoh **30 hari** dari **tarikh keputusan makmal kerajaan atau swasta**** dikeluarkan bagi semua penyakit dengan syarat tiada haiwan baharu (kecuali dari gerompok yang mempunyai sijil bebas penyakit) masuk ke premis sepanjang tempoh sahlaku ujian; atau
   b. Sekiranya ternakan transit dimana-mana ladang, maka ujian semula perlu dijalankan.
5. Premis/gerompok dengan indeks aktif sebarang penyakit yang diuji tidak dibenarkan untuk sebarang pemindahan sehingga indeks bertukar menjadi indeks PULIH atau mengikut PVM penyakit berkaitan.
6. **Borang deklarasi status kesihatan haiwan** perlu dilampirkan bersama semasa permohonan dibuat.
7. Tempat pemeliharaan/pembiakbakaan atau sembelih atau loji pemprosesan hendaklah dinyatakan dengan lengkap (Destinasi) dalam borang permohonan permit (sistem e-VetPermit).
8. **Satu permit hanya sah untuk satu destinasi sahaja.** Satu set seal tag perlu dipasang oleh pemohon/pemandu/ penternak /peraih/ penjual dan dibuka selepas sampai ke destinasi
9. Bagi ternakan dari gerompok yang mempunyai **sijil bebas penyakit AI atau/dan ND atau/dan Salmonellosis**, ujian saringan tidak perlu dijalankan dengan syarat gerompok tersebut dibawah pengawasan DVS dan disertakan Salinan Sijil Bebas Penyakit yang sah semasa permohonan pemindahan dibuat.
10. Penternak/Penerima konsainan hendaklah memaklumkan ketibaan ternakan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah penerima dalam tempoh **24 jam** melalui apa jua cara yang bersesuaian, contohnya aplikasi telekomunikasi.

**** Makmal swasta yang diiktiraf oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)**

**SYARAT KHUSUS**

TERNAKAN UNGGAS

| ORIGIN TERNALAN/ HAIWAN | TUJUAN PEMINDAHAN | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Dalam negara<br>(ternakan komersil) | Pemeliharaan / Penyembelihan | 1. Avian Influenza<br>2. Newcastle Disease (ND)<br>3. Avian Salmonellosis (S.Enteriditis, S.Typhimurium, S.Gallinarum, S. Pullorum) | 1. Disahkan tiada tanda-tanda klinikal penyakit dan dinyatakan di dalam SKV. | Semua negeri |
| Dalam Negara<br>(Pet bird) | Pemeliharaan/ pertandingan | 1. Avian Influenza<br>2. Newcastle Disease (ND)<br>3. Avian Salmonellosis (S.Enteriditis, S.Typhimurium, S.Gallinarum, S. Pullorum) | 1. Disahkan tiada tanda-tanda klinikal penyakit dan dinyatakan di dalam SKV. | Semua negeri. |
| Pemindahan unggas import<br>(Pet bird) | Pemeliharaan | 1. Avian Influenza<br>2. Newcastle Disease (ND)<br>3. Avian Salmonellosis (S.Enteriditis, S.Typhimurium, S.Gallinarum, S. Pullorum) | 1. **Negatif** ujian saringan penyakit di negara asal.<br>2. Pengesahan dari MAQIS **(sijil MK10)** bahawa ternakan telah tamat tempoh kuarantin dan tiada tanda klinikal sepanjang tempoh kuarantin.<br>3. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport, Keputusan Ujian Makmal dan Sijil Kuarantin dari Negara Pengeksport.<br>4. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS. | Semua Negeri yang mempunyai stesen kuarantin atau premis kuarantin yang diluluskan oleh MAQIS |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pemindahan Unggas Import (Game bird) dari Thailand dan Singapura) | Pertandingan | 1. Avian Influenza<br>2. Newcastle Disease (ND)<br>4. Avian Salmonellosis *(S.Enteriditis, S.Typhimurium, S.Gallinarum, S. Pullorum)* | 1. **Negatif** ujian saringan penyakit negara asal.<br>2. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport, Keputusan Ujian Makmal dan Sijil Kuarantin dari Negara Pengeksport.<br>3. Haiwan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS.<br>5. Haiwan perlu dikuarantin di tempat pertandingan yang digazetkan oleh MAQIS sebagai tempat kuarantin sepanjang tempoh pertandingan berlangsung. | Semua Negeri |
| Pemindahan unggas import (DOD/DOC) | Pemeliharaan | 1. Avian Influenza<br>2. Newcastle Disease (ND)<br>5. Avian Salmonellosis *(S.Enteriditis, S.Typhimurium, S.Gallinarum, S. Pullorum)* | 1. Pemohon perlu sertakan salinan **Sijil Kesihatan Veterinar** dari Negara Pengeksport.<br>2. Ternakan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi keperluan import yang ditetapkan oleh DVS. | Semua negeri |

## PRODUK DAN HASILAN TERNAKAN

| ORIGIN PRODUK | JENIS PRODUK | PENYAKIT | SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH NEGERI PENGELUAR | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Dalam negara | Produk haiwan * (boleh dimakan)<br>- Telur<br>- Susu dan produk susu<br>- Kulit<br>- Sarang burung | - | 1. Disahkan sesuai dan selamat untuk dimakan/digunakan oleh manusia dan dinyatakan di dalam SKV.<br>2. Produk dari loji yang mempunyai pensijilan MESTI/HALAL/GMP/ GVHP/VHM atau dibawah pemantauan DVS Negeri.<br>3. Sumber bahan mentah dari ladang/premis yang berdaftar/berlesen dengan DVS Negeri | Semua negeri |
| | Produk haiwan* (tidak boleh dimakan)<br>- Telur bernas<br>- Semen<br>- Bulu<br>- Tinja<br>- Belulang/Kulit | - | 1. Sumber bahan mentah dari ladang/premis yang berdaftar/berlesen dengan DVS Negeri | Semua negeri |
| | Karkas** (kecuali yang mempunyai legenda/tag karkas) | - | 1. Disahkan sesuai untuk dimakan/digunakan oleh manusia dan dinyatakan di dalam SKV bagi pemindahan karkas/produk dari haiwan.<br>2. SKV hendaklah lengkap dengan nama dan cop nama Pemeriksa Daging | Semua negeri |

*Produk haiwan – produk yang terhasil daripada haiwan yang masih hidup, telah disembelih/dibantai atau diambil daripadanya untuk aktiviti pemprosesan dan aktiviti tambah nilai, misalan daging, kulit mentah, organ, tanduk, sarang burung proses, sosej, seri kaya, dadih, yogurt dan sebagainya. Produk yang dikeluarkan meliputi produk makanan atau bukan makanan. Rujuk APTVM Pemeriksaan Produk Haiwan para 5.3.
**karkas merujuk kepada definisi dalam Akta Binatang 1953

## SENARAI PERSAMPELAN PENYAKIT KUDA DAN MAKMAL YANG MENJALANKAN UJIAN

| Ujian Penyakit Kuda | Sampel | MVZT Kelantan | MVZT Pahang | MVZS Johor | MVZT Selangor | MVZU Penang | VRI, Ipoh |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **AHS (PCR & Serologi)** | Darah (EDTA)-PCR<br>Serum -serologi | / | / | / | / | / | / |
| **EHV** | Nasopharyngeal swab dalam transport media – PCR | - | - | - | - | - | / |
| **EIA (serology)** | Serum - AGID | - | - | - | / | - | / |
| **EIV** | Nasopharyngeal swab dalam transport media – PCR | - | - | - | - | - | / |
| **STRANGLES (Iso & Iden)** | Nasopharyngeal swab dalam transport media – isolasi | / | / | / | / | / | / |
| **STRANGLES PCR** | Nasopharyngeal swab dalam transport media – PCR | - | - | - | - | - | / |
| **SURRA (Blood Smear )** | Darah (EDTA/Heparin) – Buffy Coat/ Thin Blood Smear | / | / | / | / | / | / |
| **SURRA (PCR)** | Darah (EDTA/Heparin) – PCR | - | - | - | / | - | - |
| **PIROPLASMOSIS** | Darah (EDTA/Heparin) – Buffy Coat/ Thin Blood Smear | / | / | / | / | / | / |